



### KENYATAAN RASMI

#### **KONVOKESYEN KE-28 PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK SESI DISEMBER 2018 DAN SESI JUN 2019**

Berikutan dengan penularan wabak pandemik COVID-19 yang melanda, Politeknik Kuching Sarawak (PKS) melalui **Jawatankuasa Induk Konvokesyen PKS** telah mengadakan mesyuarat berkenaan dengan **Majlis Konvokesyen PKS ke-28** yang sepatutnya berlangsung pada 12 Ogos 2020 dan 13 Ogos 2020 yang lalu. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Konvokesyen PKS telah memutuskan bahawa **Majlis Konvokesyen PKS ke-28** pada tahun 2020 adalah **dibatalkan**. Keputusan **Jawatankuasa Induk Konvokesyen PKS** adalah selaras dengan saranan surat yang telah dikeluarkan oleh **Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)** No. Ruj : JPPKK.BPN.600-11/1/1(17) bertarikh 23 Jun 2020.

Oleh yang demikian, pihak PKS akan menghantar semua Diploma dan transkrip penuh kepada lulusan **sesi Disember 2018** dan **sesi Jun 2019** dengan penghantaran secara Pos dalam masa terdekat ini. Bagi melancarkan lagi proses penghantaran tersebut, para lulusan **sesi Disember 2018** dan **sesi Jun 2019** perlu merujuk kepada **TATACARA TUNTUTAN DIPLOMA DAN TRANSKRIP PENUH PENGAJIAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK GRADUAN SESI DISEMBER 2018 DAN SESI JUN 2019** di laman web rasmi PKS. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Setiausaha Jawatankuasa Konvokesyen ke-28, **Puan Fadhlina binti Mohamad Ahmad** di talian **082-845596 ext. 215 / 012-8096479** atau **Puan Nur Syafia Izzah binti Ismail** di talian **082-845596 ext. 211 / 019-2396009** untuk keterangan lanjut.

**Pengarah  
Politeknik Kuching Sarawak  
28 Ogos 2020**

## TATACARA TUNTUTAN DIPLOMA DAN TRANSKRIP PENUH PENGAJIAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK GRADUAN SESI DISEMBER 2018 DAN SESI JUN 2019

### 1. ARAHAN PEMBAYARAN


Semua graduan Sesi Disember 2018 dan Jun 2019 Politeknik Kuching Sarawak perlu membuat bayaran Konvokesyen sebanyak RM90 (Yuran Alumni dan Kos Penghantaran) di mana-mana cawangan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Untuk keterangan lebih lanjut, sila rujuk **Lampiran 1: Kaedah Pembayaran**.

### 2. ARAHAN MELENGKAPKAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

Semua graduan Sesi Disember 2018 dan Jun 2019 Politeknik Kuching Sarawak adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi kajian pengesanan graduan 2020 (SKPG TVET 2020).

**Sila Ikut Arahan Seperti Berikut.**

- i. Layari "Laman Pra Graduan 2020" di pautan [http://www.poliku.edu.my/tracer\\_study/](http://www.poliku.edu.my/tracer_study/) dan sila lengkapkan maklumat yang diperlukan.



Selamat datang ke  
Laman Pra Graduan  
2020

Tahniah kepada Graduan Sesi Disember 2018 dan Sesi Jun 2019  
Para Graduan diminta untuk melengkapkan semua pautan seperti langkah dibawah:

**Langkah 1**

[Pengisian maklumat kebolehpasaran Graduan](#)

**Langkah 2**

[Pengisian bukti pembayaran dan slip kebolehpasaran](#)

Paparan 1: Muka hadapan Laman Pra Graduan 2020

- ii. Pilih **Langkah 1** dan lengkapkan maklumat yang dikehendaki. Pastikan anda menyimpan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan.
- iii. Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan dan slip bukti bayaran (resit BIMB) hendaklah dimuatnaik di paparan "Laman Pra Graduan 2020" di **LANGKAH 2** sebagai bukti untuk graduan mendapatkan sijil dan transkrip.

Tahniah Para Graduan,  
Bagi mendapatkan sijil dan transkrip , anda dikehendaki untuk memuat naik dokument seperti berikut :

Sila masukkan IC anda\*  Sila masukkan Nombor Pendaftaran anda\*

Sila Pilih Jabatan\*

Sila masukkan bukti anda telah mengisi borang kebolehpasaran graduan dengan memasukkan slip pengesahan graduan\*  [Browse...](#)

Sila masukkan bukti anda telah membuat bayaran konvo dengan memasukkan resit pembayaran\*  [Browse...](#)

Sila masukkan alamat terkini untuk urusan penghantaran sijil dan transkrip

Alamat\*

Poskod\*

Negeri

**HANTAR**

Jika anda masih belum mengisi borang kebolehpasaran. Sila berbuat demikian di [sini](#) atau tekan butang di bawah.

[Ke Laman Kebolehpasaran Graduan](#)

Paparan 2: Laman muka Bukti Pembayaran Dan Slip Kebolehpasaran

**UNTUK SEBARANG PERTANYAAN, SILA BERHUBUNG DENGAN PEGAWAI TRACER STUDY JABATAN MASING-MASING:**

- Encik Lee Kong Fah (JKA) : 016-8709942
- Puan Noorhasmah Binti Yahya (JP) : 014-8855098
- Encik Johari Ahmad Bin Ghazali (JTMK) : 016-8676514
- Encik Mohd Ridzuan Bin Mohamad Sharip (JKE) : 011-10143913
- Encik Hatta Azuwar Bin Dahlan (JKPK) : 012-8936147
- Encik Al-Stanley Anak Nohe (JKM) : 016-8725375

**Jawatankuasa Induk Konvokesyen  
Politeknik Kuching Sarawak**

## Lampiran 1: Kaedah Pembayaran

Semua graduan Sesi Disember 2018 dan Jun 2019 Politeknik Kuching Sarawak hendaklah membuat Pembayaran Konvokesyen seperti butiran dibawah:

### 1. BAYARAN

- 1.1. Bayaran Konvokesyen adalah sebanyak **RM 90.00** (Bayaran termasuk yuran seumur hidup Alumni sebanyak RM50.00)

**Tarikh Mula Bayaran : 01 September 2020 – 31 Oktober 2020**

- 1.2. Pembayaran hanya boleh dibuat melalui mesin Cash Deposit Machine (CDM) **BANK ISLAM sahaja.**




- 1.3. Pembayaran secara **Inter-Bank** daripada bank selain Bank Islam adalah **TIDAK DITERIMA**. Hanya pembayaran melalui mesin CDM Bank Islam sahaja yang diterima.

- i. Berikut adalah tatacara bayaran di Bank Islam
- ii. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT.**
- iii. Masukkan **NO KAD PENGENALAN PELAJAR**
- iv. Pilih **POLI KUCHING**
  - **Bayaran RM90**
- v. Sahkan data dan masukkan wang.
- vi. Sahkan jumlah wang yang dimasukkan.
- vii. Transaksi selesai dan ambil resit.


- 1.4. Slip bayaran/resit CDM **ASAL** perlulah disimpan dan graduan dikehendaki memuatnaik gambar resit tersebut di Laman muka Bukti Pembayaran Dan Slip Kebolehpasaran, [http://www.poliku.edu.my/tracer\\_study/](http://www.poliku.edu.my/tracer_study/).

## PANDUAN BERGAMBAR BAYARAN KONVOKESYEN DI BANK ISLAM

1. Pilih menu **YURAN IPT / BILL PRESENTMENT**.




2. Masukkan **No Kad Pengenalan Graduan**.



3. Pilih **POLI KUCHING**



4. Sahkan data (nama dan no IC) dan masukkan wang .



5. Sahkan jumlah kemasukan wang.

Transaksi selesai dan ambil resit. Jika tiada resit dikeluarkan, sila rujuk pihak bank untuk dapatkan resit transaksi tersebut.